

## **PEMBINAAN DAN PENGESAHAN INSTRUMEN PENILAIAN BAHAN BANTU MENGAJAR BAHASA ARAB**

Muhammad Haron Husaini, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Ahmad Shafiq Mat Razali, Diyak Ulahman Mat Saad, Ab. Halim Mohamad

### **ABSTRAK**

Kertas kerja ini bertujuan untuk membangun dan mengesahkan instrumen untuk menilai amalan pengajaran, kekerapan dan kesediaan penggunaan bahan bantu mengajar bahasa Arab (IPBBMBA) di sekolah menengah Malaysia daripada perspektif guru. Berdasarkan kajian literatur, soal selidik guru dan analisis instrumen sedia ada, konstruk dikenal pasti dan item yang menyumbang kepada amalan penggunaan, kekerapan dan kesediaan para guru untuk menggunakan bahan bantu mengajar telah dibangunkan. Kesahan dan kebolehpercayaan telah dilakukan ke atas instrumen yang dibina. Kesahan instrumen melibatkan tiga orang pakar dalam bidang pendidikan bahasa Arab. Seramai 427 orang guru terlibat dalam kajian ini. Hasilnya instrumen baru yang dibangunkan ini terdiri daripada 3 komponen utama. Komponen amalan pengajaran merangkumi 4 konstruk. Komponen kekerapan penggunaan 1 konstruk manakala komponen kesediaan penggunaan pula mengandungi 5 konstruk. Jumlah keseluruhan item bagi IPBBMBA termasuk demografi responden adalah 82 item. Muatan faktor atau klasifikasi indeks kebolehpercayaan untuk setiap item adalah dalam julat 0.60 dan ke bawah hingga 0.90 dan ke atas. Hasil kajian juga menunjukkan nilai alpha bagi semua komponen adalah dalam julat 0.435-0.931 dengan purata 0.736. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan instrumen ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh digunapakai dalam menilai amalan pengajaran, kekerapan dan kesediaan penggunaan bahan bantu mengajar bahasa Arab sekolah menengah di Malaysia.

**Kata Kunci:** *Bahasa Arab, Bahan Bantu Mengajar, Kesahan dan Kebolehpercayaan*

## **DEVELOPMENT AND VALIDATION AN INSTRUMENT OF ASSESSING FOR TEACHING ARABIC MATERIAL**

### **ABSTRACT**

*The purpose of this research is to develop and validate an instrument*

*for assessing the teaching practice, frequency and readiness of arabic teaching material usage in Malaysia secondary school from teachers' perspective (IPBBMBA). Based on literature review, teachers' questionnaires and existing instruments analysis, the construct is identified as well as the item that contributes to the usage practice, frequency and readiness of teachers in using teaching aid material is developed. Validity and reliability have been done on developed instrument. Instrument validity involves three speacialists in Arabic language education. A total of 427 teachers paticipated in this study. As a result, this new developed instrument consists of 3 main component. Teaching practice component has 4 constructs. Teaching aid material usage frequency component has 1 construct and usage readiness component has 5 constructs. The total of the ittem is 82. The factor loading for each item is in the range 0.60 and below to 0.90 and above. Reliability (alpha) value is in the range 0.435-0.931 with an average of 0.736. The findings is clearly shown that the instrument has high validity and reliability. Therefore, it can be used to assess the teaching practice, frequency and readiness of Arabic language teaching aid material usage in Malaysia secondary school.*

**Key words:** *Arabic Language, Teaching Aid Material, Validity and Realiability*

## **PENGENALAN**

Dalam era teknologi masa kini, proses pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja tertumpu kepada penggunaan buku teks, kaedah pengajaran guru melalui penggunaan kapur tulis dan papan hitam sahaja, malah lebih daripada itu termasuklah penggunaan teknologi yang menyediakan pembelajaran secara interaktif bagi memupuk minat pelajar. Oleh yang demikian, melalui teknik dan kaedah pengajaran dan pembelajaran dari guru sahaja masih belum dapat menjamin berlakunya proses pembelajaran yang berkesan tanpa melalui bahan bantu mengajar. Dalam matapelajaran bahasa arab khususnya, bahan bantu mengajar memainkan peranan penting ke arah memahami konsep di dalam proses pengajaran selain daripada bertujuan untuk menarik minat pelajar.

Kajian yang telah dijalankan oleh Mohd. Mansor Daud dan Che Kamarudin Kamal (2004) mendapati 62.5% daripada pelajar tidak minat mempelajari bahasa Arab. Begitu juga, kajian yang dijalankan oleh Roslida Kadir (2002) menunjukkan bahawa kaedah pengajaran

bahasa Arab berada pada tahap yang sederhana dan boleh menyebabkan pelajar menghadapi kesukaran dalam memahami pengajaran guru, seterusnya akan menyebabkan pencapaian pelajar merosot. Pelajar di insititusi pengajian tinggi lebih cenderung kepada belajar secara pasif dengan menghafal nota, mengeluarkan semula daripada ingatan apabila menduduki peperiksaan. Oleh yang demikian, amalan pengajaran dan kesediaan guru bahasa Arab memainkan peranan penting agar membantu pelajar menyesuaikan diri dalam suasana dan aktiviti pembelajaran yang baharu. Begitu juga pandangan daripada Rofishah Rashid (2005); masih terdapat guru pendidikan Islam dan bahasa Arab yang tidak memanfaatkan penggunaan ICT dalam PdP melainkan untuk tujuan menulis dan menyediakan kertas peperiksaan pada peperiksaan pertengahan dan akhir tahun. Ringkasnya, jika guru menghadapi masalah dari sudut amalan pengajaran dan tidak kesediaan dalam penggunaan bahan bantu mengajar akan berhadapan dengan kelemahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

### **Objektif Kajian**

- i. Menentukan kesahan instrumen penilaian amalan pengajaran, kekerapan dan kesediaan penggunaan bahan bantu mengajar bahasa Arab
- ii. Menentukan kebolehpercayaan instrumen penilaian amalan pengajaran, kekerapan dan kesediaan penggunaan bahan bantu mengajar bahasa Arab

### **Kaedah Kajian**

Kajian yang dijalankan ini adalah merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan. Menurut Chua (2006), kajian kuantitatif adalah berdasarkan kepada kaedah penyelidikan inkuiri positifis di mana data numerika yang diambil dianalisis dengan ujian statistik yang bersesuaian. Dalam kajian ini, kaedah tinjauan dipilih kerana penyelidik membina instrumen bagi menilai amalan pengajaran, kekerapan dan kesediaan para guru dalam penggunaan bahan bantu mengajar bahasa Arab. Kaedah ini mempunyai kelebihan kerana instrumen boleh ditadbirkan secara terus kepada guru dan menjimatkan masa, tenaga dan kewangan (Fraser dan Walberg, 1981). Selain itu, kaedah soal selidik juga memberikan data yang mantap berdasarkan pengalaman luas guru-guru selama beberapa tahun mereka di sekolah.

### Populasi dan Sampel Kajian

Populasi dalam konteks penyelidikan ialah sekumpulan individu yang mempunyai satu atau lebih ciri-ciri yang sama, manakala sampel pula ialah sebahagian kecil populasi yang telah dipilih dengan menggunakan kaedah tertentu (Chua, 2006). Data kajian ini diperoleh menerusi kaedah tinjauan (*survey*) dengan persampelan rawak mudah. Kajian ini melibatkan seramai 427 orang guru bahasa Arab di sekolah-sekolah menengah SMK, SABK dan SMKA yang meliputi 16 buah negeri di seluruh Malaysia. Pemilihan sekolah dan sampel kajian dilakukan berdasarkan kepada pembahagian negeri. Bilangan responden bergantung kepada populasi guru bahasa Arab yang terdapat di negeri-negeri seperti di jadual berikut:

**Jadual 1: Populasi dan Sampel Kajian**

Bil	Negeri	Bilangan Populasi	Bilangan Sampel
1	Johor	63	31
2	Kedah	59	35
3	Kelantan	100	36
4	Melaka	15	12
5	Negeri Sembilan	29	23
6	Pahang	50	45
7	Perak	68	35
8	Perlis	8	9
9	Pulau Pinang	25	15
10	Sabah	49	43
11	Sarawak	8	8
12	Selangor	111	65
13	Terengganu	40	38
14	WP Kuala Lumpur	29	25
15	WP Labuan	3	3
16	WP Putrajaya	5	4
<b>JUMLAH</b>		<b>662</b>	<b>427</b>

### **Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan set soal selidik sebagai instrumen. Konstruk dalam instrumen kajian ini dibentuk berdasarkan kepada hasil tinjauan kajian-kajian terdahulu yang telah dijalankan oleh penyelidik lain. Soal selidik yang dibina menggunakan skala Likert lima mata iaitu Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Kurang Setuju (KS), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS). Skala lima melambangkan sangat setuju manakala skala satu melambangkan sangat tidak setuju. Pemurnian instrumen yang dibina dilakukan melalui proses penyemakan dan pengesahan oleh pakar dalam bidang berkaitan serta menjalankan kajian rintis bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan instrumen.

### **Dapatan Kajian**

instrumen baru yang dibangunkan ini terdiri daripada 3 komponen utama. Komponen amalan pengajaran merangkumi 4 konstruk. Komponen kekerapan penggunaan 1 konstruk manakala komponen kesediaan penggunaan pula mengandungi 5 konstruk. Jumlah keseluruhan item bagi IPBBMBA termasuk demografi responden adalah 82 item. Muatan faktor atau klasifikasi indeks kebolehpercayaan untuk setiap item adalah dalam julat 0.60 dan ke bawah hingga 0.90 dan ke atas. Hasil kajian juga menunjukkan nilai alpha bagi semua komponen adalah dalam julat 0.435-0.931 dengan purata 0.736. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan instrumen ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh digunapakai dalam menilai amalan pengajaran, kekerapan dan kesediaan penggunaan bahan bantu mengajar bahasa Arab sekolah menengah di Malaysia.

Dapatan-dapatan di atas dijelaskan dalam huraian berikut yang mengandungi 3 peringkat utama iaitu pertama, menganalpasti konstruk utama berkenaan bahan bantu mengajar bahasa Arab, kedua ialah pembinaan item dalam setiap konstruk dan ketiga menjalankan kajian sebenar. Tiga peringkat ini juga digunakan dalam kajian terdahulu oleh Walker dan Fraser (2005).

#### **i. Peringkat Pertama: Mengenalpasti konstruk utama**

Dalam peringkat pertama, terdapat empat langkah yang digunakan untuk mengenalpasti dan seterusnya membina konstruk utama berkenaan bahan bantu mengajar bahasa Arab. Langkah pertama ialah mengkaji literatur yang berkaitan dengan bahan bantu mengajar bahasa Arab. Literatur ini meliputi jurnal dan artikel kajian-kajian terdahulu yang

telah dijalankan. Langkah ini penting untuk mengenal pasti komponen utama yang berkaitan dan mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas dengan berbantuan bahan bantu mengajar bahasa Arab.

Langkah kedua ialah mengkaji instrumen-instrumen bahan bantu mengajar berkaitan yang pernah dibina sebelum ini. Tujuannya adalah untuk mengetahui konstruk dan item yang telah dibina. Hal ini penting kerana sekiranya terdapat konstruk atau item yang bersesuaian, ia boleh diubahsuai mengikut kesesuaian konteks kajian ini.

Seterusnya, langkah ketiga melibatkan sesi perbincangan bersama pensyarah-pensyarah dan guru-guru yang berpengalaman bagi memperoleh maklumat, pendapat dan idea berkaitan dengan aspek bahan bantu mengajar. Ini bagi menguatkan lagi dapatan bagi pembinaan konstruk aspek bahan bantu mengajar bahasa Arab.

Langkah keempat pula melibatkan pemilihan dan penentuan konstruk utama berhubung bahan bantu mengajar bahasa Arab berdasarkan pemerolehan sebelumnya (tinjauan literatur, instrumen sedia ada dan perbincangan dengan pakar). Sehubungan dengan itu, komponen yang telah ditentukan sebagai mewakili aspek penting berhubung bahan bantu mengajar bahasa Arab ialah amalan pengajaran dengan menggunakan bahan bantu mengajar, konstruk jenis bahan bantu mengajar yang sering diguna dan komponen kesediaan para guru untuk menggunakannya.

#### **ii. Peringkat Kedua: Pembinaan item dalam setiap konstruk**

Peringkat kedua pula melibatkan tiga langkah. Pertama, adaptasi daripada beberapa item yang bersesuaian daripada instrumen bahan bantu mengajar yang telah sedia ada untuk dimasukkan sebagai item dalam instrumen baru. Selain itu, item-item baru juga dibina berdasarkan literatur dan perbincangan untuk setiap konstruk yang telah dikenalpasti. Hasilnya 82 item telah dibina untuk 10 konstruk yang telah ditentukan (tingkat kefahaman, minat, reaksi positif, kemudahan kepada guru, jenis-jenis bahan bantu mengajar, masa, kreativiti, minat, kemahiran dan inisiatif) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Kedua, melibatkan penghantaran instrumen yang telah dibina ini kepada pakar bagi memperoleh pengesahan pakar. Pakar-pakar yang telah dipilih adalah seramai 3 orang mewakili 3 buah institusi pengajian

tinggi iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam, Bangi dan Universiti kebangsaan Malaysia. Kesemua mereka adalah pakar dalam bidang pendidikan bahasa Arab dan pembinaan instrumen. mereka telah menyemak item-item seperti jadual berikut:

*Jadual 1: Konstruk dan Item dalam Instrumen Kajian*

Bil	Komponen	Konstruk	No. Item	Jumlah Item
1	Demografi	Latar Belakang	A1-A8	8
2	Amalan Pengajaran Bahasa Arab Menggunakan BBM	Tingkat Kefahaman	BA1 hingga BA4	4
		Minat	BB1 hingga BB6	6
		Reaksi Positif	BC1 hingga BC6	6
		Kemudahan kepada Guru	BD1 hingga BD2	2
3	Kekerapan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar	Jenis-jenis Bahan Bantu Mengajar	CC1-CC28	28
4	Kesediaan Penggunaan BBM	Masa	DA1-DA5	5
		Kreativiti	DB1-DB5	5
		Minat	DC1-DC11	11
		Kemahiran	DD1-DD5	5
		Inisiatif	DE1-DE2	2
<b>Jum.</b>	<b>4</b>	<b>11</b>	<b>82</b>	<b>82</b>

Instrumen yang telah disemak oleh pakar ini kemudiannya dianalisis dan dibuat penelitian semula berdasarkan komen serta cadangan penambahbaikan yang telah diberikan. Segala komen dan teguran yang diperolehi diambil kira dan penambahbaikan dilakukan kepada item-item dalam instrumen yang dibina. Hasilnya terdapat 2 item daripada konstruk jenis-jenis bahan bantu mengajar dibuang iaitu buku teks dan papan tulis. Berdasarkan pandangan pakar kedua-dua item ini tidak dianggap sebagai bahan bantu mengajar kerana iainya telah disediakan. Pakar juga menyarankan agar 5 item dipindahkan kedudukannya selain

3 item memerlukan pembetulan bahasa seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah.

Instrumen yang telah disemak oleh pakar ini kemudiannya dianalisis dan dibuat penelitian semula berdasarkan komen serta cadangan penambahbaikan yang telah diberikan. Segala komen dan teguran yang

diperolehi diambil kira dan penambahbaikan dilakukan kepada item-item dalam instrumen yang dibina. Hasilnya terdapat 2 item daripada konstruk jenis-jenis bahan bantu mengajar dibuang iaitu buku teks dan papan tulis. Berdasarkan pandangan pakar kedua-dua item ini tidak dianggap sebagai bahan bantu mengajar kerana iainya telah disediakan. Pakar juga menyarankan agar 5 item dipindahkan kedudukannya selain 3 item memerlukan pembetulan bahasa seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah.

**Jadual 2: Penambahbaikan Item Instrumen Kajian**

<b>No. Item</b>	<b>Pernyataan Item</b>	<b>Pandangan Pakar</b>	<b>Tindakan Diambil</b>
BB5	Mengambil kira faktor murid dalam penyediaan BBM	Sesuai digunakan di bahagian D iaitu kesediaan penggunaan BBM	Pinda kedudukan item
BC1	Memanfaatkan BBM sedia ada dengan berkesan	Sesuai digunakan di bahagian D iaitu kesediaan penggunaan BBM	Pinda kedudukan item
BC5	Mendapat sokongan pentadbir dalam usaha menggunakan BBM	Sesuai digunakan di bahagian D iaitu kesediaan penggunaan BBM	Pinda kedudukan item
BC6	Menggunakan sepenuhnya BBM yang telah disediakan oleh pihak sekolah	Sesuai digunakan di bahagian D iaitu kesediaan penggunaan BBM	Pinda kedudukan item
CC1	Buku Teks	Tidak dianggap sebagai BBM kerana buku teks telah disediakan.	Item dibuang
CC6	Papan Tulis	Tidak dianggap sebagai BBM kerana papan tulis telah disediakan.	Item dibuang
DC3	Mengambil tahu mengenai BBM terbaharu	Perlu tambah perkataan tentang	Pembetulan bahasa
DC4	BBM tidak memerlukan masa yang panjang	Perkataan tidak perlu dibuang untuk mengelak recode	Pembetulan bahasa
DC5	BBM memberi faedah kepada murid	Sesuai diletakkan di Bahagian A	Pinda kedudukan



DE3	Sanggup meminjam BBM daripada guru lain	Menukarkan perkataan meminjam kepada perkataan berkongsi	item Pembetulan bahasa
-----	---	--	------------------------

Ketiga pula, menjalankan kajian rintis. Responden kajian ini adalah guru-guru bahasa Arab di SMK, SABK, SMKA yang terdapat di daerah Hulu Langat dan Sepang. Kajian rintis ini dijalankan bagi menentukan nilai kebolehpercayaan instrumen kajian yang dibina.

Kebolehpercayaan instrumen adalah penting untuk dijalankan dengan tujuan mengukur tahap ketekalan item dalam suatu konstruk yang dibina. Nilai kebolehpercayaan menurut Anastasi (1982) ialah sesuatu instrumen yang merujuk kepada ketekalan dalaman sesuatu instrumen untuk mengukur sesuatu fenomena secara tekal walaupun ditadbir dalam waktu yang berbeza. Instrumen yang diperolehi akan diuji dengan menggunakan teknik Alfa Cronbach ( $\alpha$ ) kerana teknik ini adalah sesuai digunakan bagi menilai instrumen berskala likert. Menurut Neuman, W. L. dan Kreuger, L. (2003), terdapat tiga jenis utama dalam membincangkan tentang kebolehpercayaan iaitu kestabilan (*stability reliability*), perwakilan (*representative reliability*) dan persamaan (*equivalence reliability*). Kehomogenan item yang terkandung dalam instrumen kajian yang digunakan menjustifikasikan penggunaan pendekatan persamaan sebagai pengukuran kebolehpercayaan.

Menurut Mohd Majid Konting (1990) kebolehpercayaan yang bernilai 0.60 dan ke atas sering digunakan untuk menentukan tahap kebolehpercayaan sesuatu alat kajian. Nilai kebolehpercayaan yang kurang daripada 0.60 adalah dianggap rendah dan tidak boleh diterima. Klasifikasi indeks kebolehpercayaan adalah seperti berikut:

**Jadual 3: Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan**

<i>Indikator</i>	<i>Nilai Alpha Cronbach</i>
<i>Sangat Tinggi</i>	$> 0.90$
<i>Tinggi</i>	$0.70 - 0.89$
<i>Sederhana</i>	$0.60 - 0.69$
<i>Rendah (not reliability)</i>	$< 0.60$

\*Adaptasi daripada Bryman & Cramer (2011)

Analisis dapatan kajian rintis yang dijalankan menunjukkan bahawa nilai kebolehpercayaan Cronbach's Alpha bagi 4 komponen utama instrumen kajian adalah seperti di jadual 4:

**Jadual 4: Nilai Alpha Cronbach bagi Komponen Utama Instrumen Kajian**

<i>Komponen</i>	<i>Bil Item</i>	<i>Nilai Alpha Cronbach</i>
Demografi	8	-
Amalan Pengajaran BBM	18	0.931
Kekerapan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar	28	0.435
Kesediaan Menggunakan BBM	28	0.843
<b><i>Jumlah keseluruhan</i></b>	<b>82</b>	<b>0.736</b>

Berdasarkan jadual, nilai koeffisien *Cronbach Alpha* bagi setiap konstruk yang dibina dan digunakan dalam kajian ini mendapati konstruk bagi aspek amalan pengajaran dan kesediaan menggunakan bahan bantu mengajar bahasa Arab adalah melebihi  $> 0.600$ .

Berdasarkan hasil analisis yang diperolehi menerusi kajian rintis ini, ujian Alpha Cronbach yang dijalankan mendapati item-item yang dibina mempunyai skor purata nilai alpha pada aras 0.736. Dengan skor tersebut dapat membuktikan bahawa IPBBMBA mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan item dalam instrumen ini mempunyai ketekalan dalaman yang baik.

### **iii. Peringkat Ketiga : Menjalankan kajian sebenar**

Peringkat ketiga ini melibatkan pentadbiran instrumen yang telah dibina pada sampel yang lebih besar. Kajian ini melibatkan 427 orang guru bahasa Arab di sekolah menengah harian yang merangkumi SMK, SABK dan SMKA di 16 buah negeri seluruh Malaysia.

Penyelidik telah mengemukakan surat keizinan kepada Pengarah Bahagian Perancangan dan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menjalankan kajian di sekolah-sekolah berkenaan. Setelah mendapat keizinan tersebut, penyelidik telah memaklumkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) di seluruh Malaysia. Setelah mendapatkan kelulusan daripada JPN, penyelidik mengadakan perbincangan dengan pihak pentadbir sekolah dan proses pengumpulan data dimulakan.

## KESIMPULAN

Kertas kerja ini melaporkan pembangunan dan pengesahan instrumen yang direka untuk menilai aspek-aspek bahan bantu mengajar bahasa Arab. Ia dibangunkan dalam tradisi menggunakan data persepsi guru untuk menentukan komponen utama, konstruk dan item. Pembangunan IPBBMBA adalah tambahan kepada instrumen bahan bantu mengajar sedia ada. Hasil kajian ini mengesahkan kesahihan dan kebolehpercayaan amalan pengajaran, jenis bahan bantu mengajar yang sering diguna serta kesediaan guru untuk mengguna bahan bantu mengajar. Kajian ini juga membuktikan bahawa instrumen ini merupakan satu alat yang berguna dan boleh digunakan dalam penilaian penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran bahasa Arab. Walau bagaimanapun, penyelidikan yang luas diperlukan untuk menghalusi lagi instrumen ini dengan melibatkan ciri-ciri yang berbeza daripada responden untuk mewujudkan langkah-langkah lebih sah dan boleh dipercayai.

## RUJUKAN

- Anastasi, A. (B) (1982): "Psychological testing: basic concepts and common misconceptions" In A.M. Rogers & C.J. Sheirer (Eds.), G. Stanley Hall Lecture Series, 5 (pp. 87-120). Washington, DC: American Psychological Association.
- Bryman, A & Cramer, D .(2011). *Quantitative Data Analysis with SPSS for Windows. A Guide for Social Scientists*. New York: Routledge.
- Chua, Y.P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Edisi pertama. Malaysia: McGraw-Hill Sdn. Bhd.
- Fraser, B.J. & Walberg, H.J. 1981. Psychological learning environment in science classrooms: A review of research. *Studies in Science Education* 8: 67-92.
- Mohd Majid Konting .(1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,
- Mohd Majid Konting (1990). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Cetakan 7. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Mansor Daud, & C. Kamarudin Kamal. (2004). Permasalahan Pengajaran dan Pembelajaran Kurikulum Al Azhar dan Cara Mengatasinya. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 3. UKM.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor.
- Neuman, W. L. & Kreuger, L. (2003). *Social Work Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. Boston, MA: Allyn and Bacon.

- Rofishah Rashid. (2005). Penggunaan ICT di Kalangan Guru Bahasa Arab Komunikasi: Kajian di sekolah Menengah dan Rendah di Zon Selatan Selangor. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Roslida Bt Kadir (2002). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Bahasa Arab Komunikasi Di Dalam Kelas Aliran Agama: Kajian Di Kalangan Pelajar Tingkatan Dua SMK Daerah Hulu Langat. Projek Penyelidikan Ijazah Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.
- Walker, S., & Fraser, B. (2005). Development and validation of an instrument assessing distance education learning environments in higher education: the distance learning environment survey (DELES). *Learning Environments Research: An International Journal*, 8(3), 289-308.

*Muhammad Haron Husaini*  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS)  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor  
**E-mail: muhdharon@kuis.edu.my**

*Mohd Izzuddin Mohd Pisol*  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS)  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor  
**E-mail: muhdizuddin@kuis.edu.my**

*Ahmad Shafiq Mat Razali*  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS)  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor  
**E-mail: ahmadsyafiq@kuis.edu.my**

*Diyak Ulahman Mat Saad*  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS)  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor  
**E-mail: diyakulahman@kuis.edu.my**

*Ab. Halim Mohamdd*  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malatsia  
43400 Serdang, Selangor  
**E-mail: abhalim@upm.edu.my**